

30/06/2003

Formula Dr M atasi krisis MCA

Kadir Dikoh

SEPERTI biasa, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pergi ke Taman Wetlands Paya

Indah untuk menunggang kuda awal pagi semalam. Disebabkan hujan, Perdana Menteri terpaksa membatalkan niat itu meski pun setelah menunggu lebih dua jam.

Dr Mahathir akan menyambut hari lahirnya yang ke-78 pada 10 Julai ini, tetapi hobi menunggang kuda yang baru dimulakannya pada usia 60 tahun, tidak menghalang beliau untuk meneruskan kegemaran itu selepas Oktober nanti.

Sebenarnya, menunggang kuda boleh memberi ketenangan kepada seseorang, apatah lagi selepas sibuk menjalankan tugas sepanjang ming-gu.

Selepas menghabiskan masa di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) minggu lalu kerana Perhimpunan Agung Umno ke-54, Dr Mahathir mengumumkan penyusunan semula Kabinetnya tanpa seorang pun menteri digugurkan.

"Saya telahpun katakan. Kamu tahulah saya. Saya tidak sewenang-wenang memecat orang kerana itu amat merugikan. Bayangkan, jika kita pergi ke pejabat dan bos kita kata, kamu telah dipecat, bagaimana rasanya?"

Itulah antara perkataan yang pernah diungkapkan Perdana Menteri ketika ditanya wartawan dalam satu sidang media pada Januari 2001 mengenai penyusunan semula Kabinet yang dilakukannya seminggu kemudian.

Istilah 'pecat' amat jarang tertulis dalam kamus Perdana Menteri dalam sekurang-kurangnya 16 rombakan atau penyusunan semula Kabinetnya sepanjang sejarah kepemimpinannya selama 22 tahun lalu.

Rombakan selepas sesuatu pilihan raya umum adalah perkara biasa, tetapi

itupun amat jarang Dr Mahathir melakukan kejutan kecuali dalam rombakan pada 1984 dan November 1999.

Pada 14 Julai 1984, beliau memasukkan ahli korporat, Tun Daim Zainuddin,

sebagai Menteri Kewangan, menggantikan Tengku Razaleigh Hamzah, manakala selepas pilihan raya umum ke-10 pada November 1999, ahli akademik, Tan Sri

Musa Mohamad, dilantik Menteri Pendidikan.

Selasa lalu, Dr Mahathir sekali lagi menyusun semula Kabinetnya berikutan peletakan jawatan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sebagai Menteri Pengangkutan pada 28 Mei lalu. Kali ini, ia cuma membabitkan seorang Menteri, iaitu Datuk Chan Kong Choy, yang akhirnya menjadi Menteri penuh menggantikan tempat bekas Presiden MCA itu.

Nama Chan pernah dicadangkan untuk jawatan Menteri penuh, tetapi Dr Ling

dikatakan mencadangkan nama anak didiknya, Datuk Seri Ong Ka Ting, (kini Presiden MCA), kepada Perdana Menteri selepas pilihan raya umum 1999 dan sejak itu, krisis dalaman MCA terus bergelora.

Namun, krisis itu kini sudah hampir selesai dan kedua-dua pihak yang sebelum ini dikenali sebagai "Team A" dan "Team B" sedang berusaha untuk

membentuk `satu parti MCA'.

Penyusunan semula Kabinet yang diumumkan Dr Mahathir itu dikatakan memberi impak besar kepada jalan kedamaian yang lebih jitu dalam MCA dan tugas itu dipermudahkan lagi berikutan peletakan jawatan Dr Ling daripada

MCA dan Kabinet, serta Datuk Seri Lim Ah Lek daripada jawatan timbalan presiden, sebelum ini.

Selain Chan yang juga Timbalan Presiden MCA, empat lagi pemimpin parti itu turut terbabit dalam penyusunan semula kali ini yang menyaksikan tambahan satu jawatan Timbalan Menteri untuk MCA.

Ini termasuk muka baru, Datuk Ho Cheong Sing, sebagai Setiausaha Parlimen, manakala dua Setiausaha Parlimen dinaikkan pangkat ke jawatan Timbalan Menteri, iaitu Datuk Fu Ah Kiow dan Donald Lim.

Perpindahan Datuk Dr Ng Yen Yen dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ke Kementerian Kewangan, dilihat sebagai satu `kenaikan' meskipun kekal sebagai Timbalan Menteri.

Chan dan Fu sebelum ini dikenali sebagai pemimpin dari "Team B" diketuai Lim, manakala Dr Ng, Donald dan Ho dari "Team A" yang pernah diketuai Dr Ling.

Tiga orang yang bukan daripada MCA membabitkan muka baru dari Umno, Datuk Mastika Junaidah Husin sebagai Setiausaha Parlimen serta dua Timbalan Menteri yang bertukar portfolio, Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Datuk M Kayveas, dan Ketua Pemuda Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak, Datuk Douglas Uggah.

Sebelum penyusunan semula Kabinet itu, Ong disebut-sebut akan dilantik sebagai Menteri Pengangkutan menggantikan Dr Ling. Bagaimanapun, Dr Mahathir mengekalkan Ong selaku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Berikutan itu, pemerhati terutama di kalangan ahli MCA atau tepat lagi dari "Team B" mendakwa bahawa Chan mengisi jawatan yang lebih kanan daripada Ong atas alasan bahawa jawatan Menteri Pengangkutan lazimnya disandang oleh Presiden MCA.

Kepada MCA, jawatan Menteri Pengangkutan adalah hampir menyerupai jawatan Menteri Pendidikan kepada Umno seketika dulu. Selepas ini pula, jawatan Menteri Kerja Raya mungkin dianggap kanan oleh MIC yang kini disandang Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Sehingga sedekad lalu, pemegang jawatan Menteri Pendidikan di kalangan pemimpin Umno dianggap sebagai batu loncatan untuk melonjak ke jawatan Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya Perdana Menteri.

Dr Mahathir pernah memegang jawatan Menteri Pendidikan (dulu dikenali sebagai Menteri Pelajaran) pada 1974 sehinggalah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 5 Mac 1976.

Dua Perdana Menteri terdahulu juga pernah menjadi Menteri Pendidikan - Tun Hussein Onn (1970-1973) dan Tun Abdul Razak Hussein (1955).

Dua anggota Kabinet sekarang, iaitu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pernah menyandang jawatan Menteri Pendidikan (1984-1986) dan Datuk Seri Najib Razak (1995-1999)

Dua bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, turut memegang jawatan sama pada 1978 hingga 1981 dan Datuk Seri Anwar Ibrahim pula pada

1986-1991.

Ada kalangan pemerhati menganggap jawatan Menteri Kewangan di dalam Umno

kini sebagai `lesen' untuk naik.

Sebaliknya, jawatan Menteri Pendidikan sebagai `batu loncatan' di dalam

Umno sudah pudar selepas Anwar dan pada 1991 itu, ia disandang oleh Tan Sri Sulaiman Daud dari PBB. Kini, jawatan itu disandang oleh Musa yang berstatus senator.

Sekarang pula, MCA bagaikan dalam proses yang sama untuk jawatan Menteri Pengangkutan.

"Persamaan itu memang betul. Tetapi kekananan jawatan Menteri Pengangkutan cuma persepsi di kalangan orang MCA hanya semata-mata kerana

Dr Ling memegang jawatan itu selama 17 tahun dan Presiden MCA terdahulu, Tan Sri Lee San Choon, juga memegang jawatan sama," kata Setiausaha Agung

Pemuda MCA, Liow Tiong Lai, yang juga Ahli Parlimen Bentong.

Sejak dilantik sebagai menteri penuh pada Januari 1986, Dr Ling terus dikekalkan di Kementerian Pengangkutan sehingga meletak jawatan bulan lalu, manakala Lee menjadi Menteri Pengangkutan di antara 1979 hingga 1983

yang sebelum itu (1978-1979) sebagai Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam.

Sebenarnya, cuma Dr Ling dan Lee pernah memegang jawatan Menteri Pengangkutan dalam MCA. Presiden MCA sebelum ini, Tan Koon Swan, tidak pernah menjadi menteri (tidak sempat sebenarnya kerana kes mahkamah dan kemudian meletak jawatan sebagai Ahli Parlimen) dan Datuk Dr Neo Yee Pan pula sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kini Ong selaku Presiden MCA yang baru kembali mengekalkan tradisi Dr Neo.

Liow berkata, masa sudah berubah dan tanggapan seperti itu harus diketepikan kerana bagi MCA sekarang, apa yang penting ialah Presiden dan

Timbalan Presiden sudah boleh duduk semeja serta tidak wujud lagi dua puak

dalam parti.

"Penyusunan semula Kabinet ini sekurang-kurangnya menjadi asas untuk bekerjasama. Pada peringkat pemimpin, masalah dalaman MCA kini sudah OK dan usaha sedang dilakukan untuk meyakinkan ahli peringkat bawahan pula,"

katanya yang sebelum ini dikaitkan dengan "Team B".

Pada petang Isnin lalu, iaitu sehari sebelum pengumuman Dr Mahathir itu,

Ong dan Chan dilihat makan bersama di restoran di sebuah hotel di Bukit Bintang - satu petanda yang baik. Malah, MCA yang bersatu juga menjadi petanda baik bagi Barisan Nasional (BN) untuk menghadapi pilihan raya umum

akan datang.

Itu jugalah dikehendaki Dr Mahathir yang sebelum ini mengemukakan pelan

damai bagi menyelesaikan krisis dalam MCA selama 14 bulan.

Sejak ditubuhkan pada 1949, MCA sudah diterajui sembilan tokoh. Tun Tan

Cheng Lok mengetuai MCA sehingga 1958 sebelum kepemimpinan diambil alih Tun Dr Lim Chong Eu yang melepaskan jawatannya kepada Dr Cheah Toon Lok setahun kemudian.

Toon Lok memangku jawatan presiden sehingga 1961 sebelum kepemimpinan MCA diambil alih Tun Tan Siew Sin (bekas Menteri Kewangan) yang mengemudi parti itu selama 13 tahun sehingga 1974.

Jawatan itu kemudian disandang San Choon selama sembilan tahun sehingga

1983. Dr Neo menjadi pemangku presiden dari 1983 hingga 1985 sebelum Koon

Swan dipilih sebagai presiden pada 1985. Bagaimanapun, Koon Swan melepaskan jawatan itu kepada Dr Ling setahun kemudian.

MCA pernah bergelora di antara 1983 hingga 1985. Ia bermula apabila San

Choon secara mengejutkan mengumumkan peletakan jawatan sebagai Presiden MCA dan Menteri Pengangkutan, dengan Dr Neo dilantik pemangku Presiden.

Ketika itu kumpulan Dr Neo berlawanan dengan kumpulan Koon Swan yang menang, tetapi MCA berpecah dua sehingga sebahagiannya menyertai parti lain atau pembangkang.

Pada 1986, Dr Ling yang ketika itu Timbalan Presiden MCA, menyandang jawatan nombor satu parti apabila Koon Swan meletak jawatan.

Apa yang diharapkan, kemelut MCA akan berakhir dan sekali lagi kebijaksanaan Dr Mahathir terserlah dalam mencari penyelesaian.